



Kertas 1

Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Setiap hari Ahad, Saerah akan membeli _____ seperti pegaga, pucuk ubi kayu dan pucuk gajus di pasar tani.
A daun-daunan C buah-buahan
B ulam-ulaman D sayuran-sayuran
- 2 Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak merupakan tokoh _____ yang ulung.
A sejarawan C sukarelawan
B negarawan D cendekiawan

Soalan 3

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 3 Kita mestilah menjadikan piramid
A
makanan sebagai panduan semasa
B C
memilih makanan. Tiada kesalahan.
D

Soalan 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 4 I Pemandu bas itu memandu dengan *hemat* untuk memastikan keselamatan penumpang.
- II Pada *hemat* saya, kempen gaya hidup sihat yang dianjurkan itu amat baik untuk kesihatan masyarakat.

III Dalam kegawatan ekonomi ini, pengguna mestilah berbelanja dengan *hemat*.

IV Pemimpin muda itu disenangi oleh masyarakat kerana beliau seorang yang tinggi *hematnya*.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 5

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Stor sukan itu murid-murid bersihkan secara bergotong-royong petang semalam.
A murid-murid dibersihkan
B murid-murid membersihkan
C dibersihkan oleh murid-murid
D murid-murid bersihkan

Soalan 6

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 6 Persatuan Penduduk Taman Bunga Raya berganding bahu untuk memastikan persekitaran perumahan mereka sentiasa bersih agar terpelihara daripada penyakit. Peribahasa yang sesuai dengan situasi di atas ialah _____.
A buat baik berpada-pada
B sediakan payung sebelum hujan
C berat sama dipikul ringan sama dijinjing
D di mana ada kemahuan di situ ada jalan